



PERDANA LIBRARY  
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
 NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/5/2011



# Pembunuhan Osama dan sumpah laknat Eskay

SELURUH dunia gempar dengan pembunuhan Osama bin Laden oleh pasukan elit Amerika Syarikat (AS) di Pakistan.

Kematian pemimpin al-Qaeda itu disambut dengan perasaan pelbagai bercampur baur dalam kalangan masyarakat dan pemimpin dunia. Tidak terkecuali para penulis blog mapan di negara ini yang masing-masing memberi pandangan mereka.

Turut menghangatkan arena politik negara minggu ini adalah sumpah laknat yang dilakukan oleh Datuk Shazryl Eskay Abdullah berhubung video seks yang didedahkan beliau bersama trio "Datuk T" sebelum ini.

Bagi A. Kadir Jasin ([kadirjasin.blogspot.com](http://kadirjasin.blogspot.com)) berpendapat bahawa dunia akan aman selepas ketiadaan Osama adalah suatu pandangan yang naif dan hanya mereka yang pro-Amerika secara melulu dan cetek mengenai geopolitik sahaja yang percaya dengan hal itu.

Kata beliau, dunia sebenarnya tidak akan aman dan selamat selagi hegemoni politik, ketenteraan dan ekonomi AS menjadi punca ketidakadilan.

Bahkan katanya, ribuan Osama lain sama ada dalam kalangan beliau Iraq, Palestin, Afghanistan atau Pakistan yang kesemuanya menjadi mangsa ketidakadilan AS, akan rnuncul selepas ini.

"Dunia tidak akan aman atau lebih aman semata-mata kerana Osama sudah "mati" kerana ramai umat Islam yang berfikirannya

Masing-masing boleh berfikir dan menggunakan logik akal sendiri untuk membuat keputusan mengenai perkara itu secara diam-diam berdasarkan kesimpulan yang dibuat kerana perkara sebenar yang berlaku hanya diketahui oleh Allah dan orang yang terlibat dalam kes ini

bertanya, kalau mati mana mayatnya. Ramai tidak percaya Osama "dikebumikan" di laut.

"Kalau mati sekalipun, rohnya akan hidup di kalangan pengikutnya dan di kalangan orang yang berasa tertindas akibat hegemoni Amerika," kata beliau.

Pandangan serupa disuarakan Jailani Harun ([justread-whatever.blogspot.com](http://justread-whatever.blogspot.com)) yang berkata, sesiapa yang berfikir bahawa keganasan telah dikebumikan bersama Osama adalah seseorang yang tidak berakal kerana akan muncul pemimpin baru al-Qaeda yang bersedia untuk membuat perhitungan selepas ini.

"Bagaimanapun, apa yang (Barack) Obama kata bahawa keamanan sudah ditegakkan adalah satu kenyataan untuk meraih emosi rakyat AS. Beliau tidak lebih daripada George Bush dalam apa sahaja pandangan termasuk menentang Muslim dilabelkan sebagai pengganas Islam dengan merujuk kepada Osama dan al-Qaeda.

"Apa keadilan yang kita ucapkan apabila

seluruh negara berperang dengan seorang lelaki atau satu pertubuhan pengganas yang kecil? Apa pula keadilan untuk beribu-ribu keluarga Iraq yang dibunuh oleh AS dan ribuan lagi di Afghanistan?" katanya.

Syed Imran ([kudaranggi.blogspot.com](http://kudaranggi.blogspot.com)) berkata, selepas sedekad memburu Osama, AS mungkin berfikir mereka boleh menarik nafas lega tetapi mereka perlu sedar, ketiadaan Osama tidak bermakna al-Qaeda juga bakal berkubur.

Malah katanya, tidak mustahil akan muncul lebih ramai Osama selepas ini bagi meneruskan perjuangan Osama bin Laden.

"Benar, Osama Bin Laden telah mati, tetapi ia tidak bermakna perjuangannya juga mati. Kenyataan ini tidak boleh ditepikan oleh Obama atau sesiapa sahaja yang dimusuhi oleh al-Qaeda," kata beliau.

Nik Mohd. Abduh ([nikabduh.wordpress.com](http://nikabduh.wordpress.com)) turut mempersoalkan kenyataan bahawa keganasan akan berakhir selepas kematian

Osama malahan kata beliau, keganasan sebenarnya hanya akan berakhir selepas kematian AS.

"Pengganas adalah Amerika. Dan sesiapa yang menuduh Usamah (Osama) sebagai pengganas, dia hanya memasuki perang dan konspirasi tajaan Amerika, demi melepaskan mereka daripada bebanan dan tuduhan sebagai penaja keganasan di dunia.

"Membunuh adalah keganasan. Tetapi, adakah membunuh keganasan adalah keganasan?," soal beliau.

Mengulas mengenai sumpah laknat Eskay, Dr. Ismail Ibrahim ([profismail.blogspot.com](http://profismail.blogspot.com)) berkata, tindakan sahabat Datuk Seri Anwar Ibrahim bersumpah atas kerelaannya dan rasa tanggungjawab beliau.

Katanya, media pula meminta Anwar agar turut sama bersumpah bagi menunjukkan kepada umum bahawa sekiranya Ketua Pembangkang itu tidak mahu bersumpah, maka besar kemungkinan dia berada di pihak yang salah manakala Eskay berada di pihak yang benar.

"Tetapi ulama turut memainkan rentak media dengan juga meminta Anwar bersumpah. Takdirnya beliau mahu bersumpah membersihkan dirinya, ertinya kedua-duanya bersumpah, apa kata ulama pula? Mana satu yang betul?"

"Tak ada sesiapa yang tahu tetapi yang pastinya kalau berlaku demikian, maknanya

salah seorang daripada dua orang yang bersumpah itu adalah benar, siapa dia? Siapa yang benar dan siapa yang tidak benar? Kerana dalam hal ini tidak mungkin kedua-duanya benar," katanya.

Katanya, beliau tidak pasti sama ada adanya enakmen tertentu atau undang-undang syariah yang lengkap berhubung sumpah tersebut andai kes berkenaan dibawa ke mahkamah syariah.

"Oleh itu, saya tetap dengan pendirian asal saya, supaya semua orang, ulama atau bukan, ahli politik atau orang biasa, pengikut taksib partisan atau sebaliknya, baiklah berdiam diri sahaja. Tunggu ke manakah kes ini akan dibawa oleh pihak berwajib dan apakah keputusan akhirnya," katanya.

Pada masa sama, kata beliau, masing-masing boleh berfikir dan menggunakan logik akal sendiri untuk membuat keputusan mengenai perkara itu secara diam-diam berdasarkan kesimpulan yang dibuat kerana perkara sebenar yang berlaku hanya diketahui oleh Allah dan orang yang terlibat dalam kes ini.

"Dalam keadaan yang tertentu, kita haruslah menjadi penonton sahaja dalam hal ini dan dalam masa yang sama pihak berkuasa tidaklah seharusnya membiarkan hal ini berpanjangan," kata beliau.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL  
 lukman@utusan.com.my